

09 SEP 2000

MSC-Nobel/I

PEMENANG HADIAH NOBEL AKAN BERCERAMAH DI FORUM IT KL

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Pakar-pakar teknologi Malaysia dan tokoh-tokoh industri IT boleh mendapatkan sedikit gambaran mengenai masa depan apabila pemenang hadiah nobel 1999, Horst Stormer menyampaikan ceramah di sebuah forum teknologi di sini, pada November.

Naib Pengerusi Lucent Technologies Inc, Ben Verwaayen berkata, ia sudah pasti peluang yang baik bagi rakyat Malaysia untuk mendengar apa yang Stormer mahu katakan mengenai dunia IT yang terus berubah.

Verwaayen, antara anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP) berkata yang Stormer akan menyampaikan perkara-perkara menarik.

"Kami mempunyai 11 pemenang hadiah Nobel di Bell Laboratories di Amerika Syarikat tetapi bukan kesemua mereka dapat menyertai forum ini. Stormer ialah pemenang terbaru hadiah Nobel," kata beliau selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, hari ini.

Verwaayen yang menghadiri mesyuarat IAP keempat di Cyberjaya berkata, Stormer akan menghadiri Forum 2000 MSC-Lucent Bell Labs Technology di Kuala Lumpur pada 7 Nov. Forum itu akan membincangkan trend dan isu-isu dalam industri IT global.

Verwaayen juga berkata, sementara beliau kagum dengan kemajuan yang ditunjukkan oleh MSC dalam tempoh lima tahun, terdapat keperluan segera pada syarikat-syarikat kecil dan sederhana di Malaysia untuk menoleh perhatian ke pasaran global.

"Saya sangat tertarik dengan pameran semalam. Syarikat-syarikat ini telah mengambil kesempatan daripada infrastruktur yang disediakan," kata beliau.

Beliau berkata, produk-produk yang ditunjukkan di MSC Expo 2000 merupakan petunjuk akan keupayaan syarikat-syarikat Malaysia tetapi strategi jualan dan pemasaran mereka perlu diperbaiki.

"Saya telah berbincang perkara ini dengan Perdana Menteri. Kami, anggota-anggota IAP adalah daripada perbadanan besar dan kami mempunyai tenaga kerja yang berkebolehan dan berpengalaman yang sedia membantu syarikat-syarikat ini untuk melatih warga tempatan menangani cabaran global," kata beliau lagi.

Beliau juga berkata, Lucent yang memperolehi status MSC pada 1998 telah menaikkan taraf makmal wireless miliknya di Malaysia kepada makmal wireless generasi ketiga.

Verwaayen berkata sehingga hari ini, saintis-saintis Bell Labs telah melatih 226 orang di Malaysia dan menjalankan latihan mengenai komunikasi optikal dan wireless serta Internet kelajuan tinggi.

-- BERNAMA

AR PR